

BULETIN BTM INSTUN NOVEMBER 2022

BENGKEL KESEDARAN, SEMAKAN DAN PENAMBAHBAIKAN DOKUMEN ISO/IEC 27001:2013 SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)

Tajuk : Bengkel Kesedaran, Semakan dan Penambahbaikan Dokumen ISO/IEC 27001:2013 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)

Tarikh : 8 – 9 November 2022 (Selasa – Rabu)

Lokasi : Pusat Kecemerlangan Multimedia (PKMM), Blok Akademik B

Penglibatan : Pegawai dan kakitangan BTM

Ringkasan Program :

Bengkel ini dilaksanakan selama dua (2) hari dan melibatkan semua pegawai serta kakitangan BTM seramai 22 orang. Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran, kefahaman serta meningkatkan kompetensi pegawai-pegawai BTM selaku pelaksana ISMS di Jabatan.

INSTUN telah menjemput Penceramah daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), iaitu **Ts. Dr. Megat Azrin bin Ahmad** untuk perkongsian ilmu bagi Sesi *Benchmarking Amalan Baik Pelaksanaan ISMS*.

Bengkel ini juga memberi peluang kepada Pelaksana ISMS BTM untuk berkongsi pengalaman dan ilmu berkaitan dengan pelaksanaan ISMS bersama semua pegawai dan kakitangan BTM.

Terima kasih kepada penceramah dan warga BTM yang telah memberikan komitmen penuh sepanjang bengkel ini dilaksanakan.

Tahniah di atas persijilan semula ISMS bagi tempoh **13 Mei 2022 – 9 Mei 2025**.

Gambar :







